

## **Hubungan Personaliti Dan Kesediaan Berubah Dalam Kalangan Belia Yang Menyalahgunakan Dadah Di Cure & Care Rehabilitation Center, Papar, Sabah**

### **ABSTRACT**

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti hubungan tret personaliti dan kesediaan berubah dalam kalangan belia yang menyalahgunakan dadah di Cure & Care Rehabilitation (CCRC) Papar, Sabah. Seramai 165 orang belia lelaki yang berumur di antara 15 tahun hingga 39 tahun di ambil sebagai responden. Dua instrumen telah digunakan iaitu soal selidik Big Five bagi tret personaliti dan soal selidik University of Rhode Island Scale (URICA) bagi kesediaan berubah. Darjah kebolehpercayaan (Cronbach's Alpha) bagi instrumen Big Five ialah extraversion (0.86), neuroticism (0.87), agreeableness (0.79), openness (0.83) dan conscientiousness (0.82). Bagi instrumen University of Rhode Island Scale (URICA) ialah precontemplation (0.75), contemplation (0.79), action (0.83) dan maintainance (0.78). Data dianalisis dengan menggunakan Perisian Statistical Package for Sosial Science (SPSS) versi 26.0. Analisis deskriptif akan digunakan untuk menganalisis min, kekerapan dan peratus. Pekali Korelasi Pearson digunakan untuk menguji hipotesis kajian. Hasil kajian mendapati terdapat hubungan yang signifikan diantara tret personaliti openness, conscientiousness, agreeableness dan extraversion dengan kesediaan berubah dalam kalangan belia. Tret personaliti neuroticism tidak mempunyai hubungan dengan kesediaan berubah dalam kalangan belia yang menyalahgunakan dadah di Cure & Care Rehabilitation (CCRC) Papar, Sabah. Beberapa cadangan akan dibincangkan berdasarkan keputusan kajian yang diperolehi.